

# Penduduk panik air naik paras lutut

**S**HAH ALAM: Penduduk beberapa taman dan kampung di Klang cemas selepas hujan lebat selama empat jam awal pagi semalam, menyebabkan rumah mereka dinaiki air sehingga paras lutut.

Kawasan yang dinaiki air membabitkan Bandar Puteri, Taman Sentosa, Kampung Jalan Kebun, Kampung Kebun Bunga, Taman Botani, Kampung Johan Setia, dan Taman Saujana.

Jurucakap Majlis Bandaraya Shah Alam (MB-SA) berkata, bagaimanapun tiada penduduk diarahkan berpindah berikutan banjir kilat itu.

Kejadian itu mencemaskan penduduk selepas Taman TTDI Jaya dilanda banjir besar 26 Februari lalu apabila Sungai Damansara melimpah dan air naik sehingga tiga meter.

Tinjauan *Berita Harian* di dua taman perumahan di Klang mendapati penduduk sibuk mengemas dan membersihkan rumah masing-masing selepas air surut jam 10 pagi.

Penduduk di Bandar Puteri, Johaimi Johan, 35, berkata hujan lebat bermula kira-kira jam 1 pagi menyebabkan air longkang di belakang rumahnya naik dan melimpah ke dapur.

"Bagaimanapun, kejadian semalam paling teruk kerana air masuk hingga ruang tamu dan bilik belakang setinggi 10 sentimeter manakala bahagian dapur, tenggelam hingga setengah meter," katanya yang bergegas memindahkan peralatan dan perabot ke tempat tinggi.

Katanya, penduduk di taman itu sudah beberapa kali membuat aduan kepada pemaju tetapi tidak banyak tindakan diambil.

Penyelia kilang, Kamaruddin Munir, 41, yang sembilan tahun menetap di Taman Sentosa, berkata banjir kilat itu kali kedua berlaku dalam empat bulan.

"Air naik sehingga betis selepas hujan lebat mulai jam 12 tengah malam sehingga banyak peralatan dan perabot terendam air," katanya.